

AMALAN DAN PELAKSANAAN TAHKIM DALAM KES PERMOHONAN PERCERAIAN TANPA PERSETUJUAN SATU PIHAK: SATU KAJIAN PERBANDINGAN DI MAHKAMAH SYARIAH SELANGOR DAN SARAWAK***THE PRACTICE AND IMPLEMENTATION OF TAHKIM IN THE CASE OF APPLICATION FOR DIVORCE WITHOUT THE CONSENT OF ONE PARTY : A COMPARATIVE STUDY IN THE SYARIAH COURTS OF SELANGOR AND SARAWAK***Zaini Yusnita Mat Jusoh^{1*}, Zanariah Dimon², & Sharifah Hana Abd Rahman³¹ Pensyarah, Fakulti Syariah Dan Undang-Undang, KUIS, zainiyusnita@kuis.edu.my² Pensyarah, Fakulti Syariah Dan Undang-Undang, KUIS, zanariah@kuis.edu.my³ Pensyarah, Fakulti Syariah Dan Undang-Undang, KUIS, sharifahhana@kuis.edu.my

* penulis penghubung

Artikel diterima: 1 Oktober 2022

| Selepas Pembetulan: 22 Nov 2022

| Diterima untuk terbit: 30 Nov 2022

Abstrak

Pasangan suami isteri tidak dapat lari daripada menghadapi pelbagai konflik dalam rumah tangga yang akhirnya membawa kepada perceraian. Menurut undang-undang keluarga Islam negeri-negeri, terdapat banyak peruntukan undang-undang yang boleh digunakan untuk mendapatkan perceraian sebagai contoh peruntukan permohonan perceraian di bawah seksyen 47 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 dan seksyen 46 Ordinan Undang-undang Keluarga (Sarawak) 2001. Permohonan perceraian tersebut memerlukan persetujuan kedua-dua pihak-pihak untuk bercerai. Jika salah satu pihak tidak bersetuju, mahkamah tidak akan membenarkan suami melafazkan talak dan melantik Jawatankuasa Pendamai. Sekiranya di peringkat Jawatankuasa Pendamai gagal untuk mencapai perdamaian atau persetujuan untuk bercerai dalam tempoh yang ditetapkan, mahkamah akan memerintahkan kedua-dua pihak melantik hakam bagi menyelesaikan pertikaian yang berlaku. Di Negeri Selangor, terdapat kaedah yang khusus berkaitan pelantikan dan kuasa hakam iaitu Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014 manakala di Sarawak tiada langsung kaedah-kaedah hakam yang diperuntukkan oleh mahkamah syariah tetapi hanya tertakluk kepada Arahan Amalan Ketua Hakim Syari'i Sarawak No. 1 Tahun 2006. Justeru, kajian ini dilaksanakan bagi mengkaji pelantikan, peranan, kesan dan kuasa hakam menurut undang-undang dalam kes-kes perceraian tanpa persetujuan satu pihak serta isu-isu berkaitan amalan dan pelaksanaan Tahkim

di Negeri Selangor dan Sarawak. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan analisis dokumen dan metode temu bual separa struktur dalam pengumpulan data. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa isu berkaitan amalan dan pelaksanaan Tahkim di Negeri Selangor dan Sarawak. Di Negeri Selangor, meskipun telah wujud kaedah hakam, masih berlaku ketidak patuhan hakam terhadap etika hakam dan tatacara Majlis Tahkim. Selain itu juga kredibiliti dan kelayakan hakam turut menjadi isu selain kekurangan infrastruktur bagi pelaksanaan Majlis Tahkim. Manakala di Sarawak, di samping ketiadaan kaedah-kaedah hakam yang khusus, majoriti kes-kes perceraian tidak sampai kepada Majlis Tahkim kerana masalah logistik pihak-pihak yang agak sukar untuk hadir ke mahkamah disebabkan jarak yang jauh dan kos tambang yang tinggi. Oleh itu, pihak-pihak bersetuju secara persetujuan bersama untuk bercerai atau tinggal secara berasingan. Kekurangan pegawai yang layak menjadi pegawai hakam di Sarawak juga merupakan salah satu faktor Tahkim tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya di Sarawak.

Kata Kunci

Hakam, Jawatankuasa Pendamai, Kaedah-kaedah hakam, perceraian tanpa persetujuan satu pihak, mahkamah Syariah

Abstract

Married couples cannot escape from facing various conflicts in the household which eventually lead to divorce. According to the Islamic family laws of the states, there are many legal provisions that can be used to obtain a divorce, for example the provisions for divorce applications under section 47 of the Islamic Family Law Enactment (Selangor State) 2003 and section 46 of the Family Law Ordinance (Sarawak) 2001. The divorce application requires the consent of both parties to divorce. If one of the parties does not agree, the court will not allow the husband to pronounce divorce and appoint a conciliation committee. If the conciliation committee fails to reach reconciliation or an agreement to divorce within the specified period, the court will order both parties to appoint a hakam to resolve the dispute. In the State of Selangor, there are specific rules related to the appointment and judicial authority, namely the Hakam Rules (Selangor State) 2014 (Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014), while in Sarawak there are no legal rules provided by the syariah court but only subject to the Sarawak Chief Shari'i Chief Justice's Practice Instruction No. 1 of 2006. (Arahan Amalan Ketua Hakim Syari'i Sarawak No. 1 Tahun 2006). Therefore, this study was carried out to examine the appointment, role, effect and power of hakam in accordance with the law in cases of divorce without the consent of one party as well as issues related to the practice and implementation of Tahkim in the State of Selangor and Sarawak. This study is a qualitative study that uses a document analysis approach and a semi-structured interview method in data collection. The results of the study found that there are several issues related to the practice and implementation of Tahkim in the State of Selangor and Sarawak. In the State of Selangor, even though there is a legal system, there is still non-compliance by the legal system with legal ethics and the procedures of the Tahkim Council. In addition, the credibility and qualifications of judges are also an issue in addition to the lack of infrastructure for the implementation of the Tahkim Council. While in Sarawak, in addition to the absence of specific court rules, the majority of divorce cases do not reach the Tahkim Council due to the logistical problems of the parties that are quite difficult to attend the court due to the long distance and the high cost of transportation. Therefore, the parties agree by

mutual consent to divorce or live separately. The lack of officers qualified to be judicial officers in Sarawak is also one of the factors that Tahkim cannot be fully implemented in Sarawak.

Keywords

Hakam, Conciliation Committee, Hakam rules, divorce without the consent of one party, Syariah court

1.0 Pengenalan

Islam adalah agama yang syumul dan memenuhi keperluan segenap kehidupan manusia. Islam juga telah menetapkan hukum hakam berkaitan perceraian sebagai penyelesaian kepada persengketaan dalam rumah tangga sama ada melalui kuasa talak pada suami atau hak pembubaran perkahwinan kepada isteri. Syarak dan undang-undang telah menyediakan banyak kaedah penyelesaian dalam menangani krisis rumah tangga sama ada mendapatkan nasihat orang yang dipercayai, melantik hakam dan menghadiri kaunseling sebelum akhirnya pasangan suami isteri membuat keputusan untuk bercerai. Menurut undang-undang keluarga Islam negeri-negeri, terdapat banyak peruntukan undang-undang yang boleh digunakan untuk mendapatkan perceraian sebagai contoh peruntukan permohonan perceraian di bawah seksyen 47 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 dan seksyen 46 Ordinan Undang-undang Keluarga (Sarawak) 2001. Permohonan perceraian tersebut memerlukan persetujuan kedua-dua pihak-pihak untuk bercerai. Jika salah satu pihak tidak bersetuju, mahkamah tidak akan membenarkan suami melafazkan talak dan melantik Jawatankuasa Pendamai. Sekiranya di peringkat Jawatankuasa Pendamai gagal untuk mencapai perdamaian atau persetujuan untuk bercerai dalam tempoh yang ditetapkan, mahkamah akan memerintahkan kedua-dua pihak melantik hakam bagi menyelesaikan pertikaian yang berlaku. Di Negeri Selangor, terdapat kaedah yang khusus berkaitan pelantikan dan kuasa hakam iaitu Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014 manakala di Sarawak tiada langsung kaedah-kaedah hakam yang diperuntukkan oleh mahkamah syariah tetapi hanya tertakluk kepada Arahan Amalan Ketua Hakim Syari'i Sarawak No. 1 Tahun 2006.

Justeru, kajian ini dilaksanakan bagi mengkaji pelantikan, peranan, kesan dan kuasa hakam menurut undang-undang dalam kes-kes perceraian tanpa persetujuan satu pihak serta isu-isu berkaitan amalan dan pelaksanaan Tahkim di Negeri Selangor dan Sarawak. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan analisis dokumen dan metode temu bual separa struktur dalam pengumpulan data. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa isu berkaitan amalan dan pelaksanaan Tahkim di Negeri Selangor dan Sarawak. Di Negeri Selangor, meskipun telah wujud kaedah hakam, masih berlaku ketidak patuhan hakam terhadap etika hakam dan tatacara Majlis Tahkim. Selain itu juga kredibiliti dan kelayakan hakam turut menjadi isu selain kekurangan infrastruktur bagi pelaksanaan Majlis Tahkim. Manakala di Sarawak, di samping ketiadaan kaedah-kaedah hakam yang khusus, majoriti kes-kes perceraian tidak sampai kepada Majlis Tahkim kerana masalah logistik pihak-pihak yang agak sukar untuk hadir ke mahkamah disebabkan jarak yang jauh dan kos tambang yang tinggi. Oleh itu, pihak-pihak bersetuju secara persetujuan bersama untuk bercerai atau tinggal secara berasingan. Kekurangan pegawai yang layak menjadi pegawai hakam di

Sarawak juga merupakan salah satu faktor Tahkim tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya di Sarawak.

2.0 Hakam Menurut Perspektif Syarak Dan Undang-Undang

Risalah Ahkam yang ditulis oleh Haji Mohd Saleh Haji Ahmad (2005) di dalam topik Kaedah-kaedah Penyelesaian Pertikaian Dalam Islam : Tumpuan Kepada Konsep Tahkim memfokuskan kepada konsep Tahkim yang membincangkan mengenai Hakam dan perkara-perkara yang boleh ditahkim. Jumhur fuqaha berselisih pandangan mengenai perkara-perkara yang boleh ditahkim. Namun, jumhur fuqaha juga telah bersepakat bahawa Tahkim tidak harus dilakukan ke atas perkara-perkara Hudud dan Qisas tetapi perkara-perkara berkaitan mal atau yang bermaksud mal, adalah boleh untuk ditahkim. Mohd Hafifi Hassim, et. al (2019) dalam penulisan yang bertajuk Penyelesaian Pertikaian Alternatif Dalam Islam : Aplikasinya Terhadap Kes-kes Kekeluargaan dan Kehartaan Di Mahkamah Syariah telah menganalisis jenis dan kaedah-kaedah penyelesaian pertikaian alternatif yang menjadi amalan di Mahkamah Syariah dalam hal ehwal kekeluargaan dan kehartaan. Penulisan ini turut mendefinisikan setiap satu kaedah penyelesaian pertikaian di Mahkamah Syariah termasuk Tahkim. Merujuk kepada penulisan tersebut.

Tahkim ditakrifkan sebagai kuasa yang diberikan untuk menjatuhkan hukuman kepada seseorang menurut Bahasa. Dari sudut istilah, ia ditakrifkan sebagai suatu proses di mana pihak-pihak melantik seseorang sebagai hakam untuk menyelesaikan pertikaian Proses Tahkim adalah diharuskan Syarak berdasarkan firman Allah S.W.T melalui Surah An-Nisa ayat 35

﴿وَإِنْ خِفْتُمْ شِقَاقَ بَيْنِهِمَا فَابْعَثُوا حَكَمًا مِّنْ أَهْلِهِ وَحَكَمَا مِّنْ أَهْلِهَا إِنْ يُرِيدَا إِصْلَاحًا يُوَفِّقِ اللَّهُ بَيْنَهُمَا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا﴾

Maksudnya :

Dan jika kamu bimbang terjadi salah faham antara kedua-duanya, maka kirimlah seorang orang tengah daripada keluarga lelaki dan seorang orang tengah daripada keluarga perempuan. Jika kedua-duanya (orang tengah) bermaksud untuk mendamaikan, nescaya Allah memberi taufik kepada suami isteri itu. Sesungguhnya, Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Teliti.

Surah an-Nisa (4) :35

Manakala menurut Sunnah, Rasulullah s.a.w telah bersabda, maksudnya,

“Mahukah kamu sekiranya aku memberitahu sesuatu suatu yang lebih baik daripada darjat solat berpuasa dan bersedekah?” Jawab kami (para sahabat) : Ya! Wahai Rasulullah, kata Nabi, :”Mendamaikan perkelahian, kerana sesungguhnya keburukan perkelahian itu adalah boleh mencukur. Allah tidak maksudkan mencukur rambut, tetapi mencukur agama (menghapus).”

(Riwayat At-Tarmizi)

Dari sudut undang-undang, Hakam merupakan salah satu kaedah perceraian secara alternatif tanpa melalui sistem keadilan Mahkamah berbeza dengan kaedah-kaedah perceraian seperti persetujuan bersama, fasakh dan lain-lain yang diselesaikan di

dalam prosiding Mahkamah. Menurut Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia, Hakam didefinisikan sebagai penimbang tara yang diberi kuasa oleh pihak-pihak atau Mahkamah untuk menyelesaikan. Hakam menurut istilah undang-undang adalah seseorang yang dilantik oleh pihak-pihak yang bertikai atau Mahkamah sebagai penimbang tara untuk menyelesaikan pertikaian atau perkelahian (Syiqaq) di antara suami dan isteri berdasarkan kepada penulisan Hammad Mohamad Dahalan, et al, (2017). Muslem, et al (2018) turut mendefinisikan Hakam sebagai tauliah kepada seseorang yang dilantik oleh dua orang pihak yang bersengketa bagi tujuan untuk mencapai perdamaian. Hakam yang dilantik mempunyai kuasa untuk penetapan hukum. Berdasarkan kepada definisi-definisi yang telah dibincangkan, jelas bahawa Hakam merupakan salah satu bentuk kaedah penyelesaian pertikaian yang menjadi amalan di Mahkamah Syariah. Asasnya, Hakam merupakan timbang tara pihak ketiga neutral yang dilantik bagi menyelesaikan Syiqaq yang berlaku di antara suami dan isteri. Dapat disimpulkan bahawa istilah penggunaan perkataan Hakam dan Tahkim turut dibezakan maksudnya. Hakam adalah penimbang tara yang dilantik oleh Mahkamah manakala Tahkim adalah proses penimbangtaraan atau dikenali sebagai majlis Tahkim.

Menurut Cohen (1921), kaedah timbang tara (arbitration) menyediakan alternatif kepada penyelesaian pertikaian dan ia amat diperlukan kerana dengan terdapat kekurangan dalam prosedur undang-undang dan peraturan yang digubal oleh kerajaan. Di Malaysia, khususnya di Negeri Selangor, proses Timbang Tara oleh Hakam diperuntukkan dengan jelas di bawah Seksyen 48 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003. Peruntukan Seksyen 48 (5) menyatakan Hakam hendaklah berusaha untuk mendapatkan kuasa penuh daripada prinsipal mereka masing-masing dan boleh, jika kuasa mereka membenarkan, melafazkan satu talaq di hadapan Mahkamah jika dibenarkan sedemikian oleh Mahkamah, dan jika demikian halnya, Mahkamah hendaklah merekodkan lafaz satu talaq itu, dan menghantar satu salinan rekod itu yang diperakui kepada Pendaftar yang berkenaan dan kepada Ketua Pendaftar untuk didaftarkan. Manakala Seksyen 48 (6) pula menyatakan jika Hakam berpendapat bahawa pihak-pihak itu patut bercerai tetapi tidak dapat memerintahkan perceraian oleh kerana sesuatu sebab, Mahkamah hendaklah melantik Hakam lain dan hendaklah memberi kepada mereka kuasa untuk memerintahkan perceraian dan hendaklah, jika mereka berbuat demikian, merekodkan perintah itu yang diperakui kepada Pendaftar yang berkenaan dan kepada Ketua Pendaftar untuk didaftarkan. Prosedur hakam telah dijelaskan secara terperinci dalam Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia 2006 yang merangkumi pelantikan dan tanggungjawab hakam.

3.0 Permohonan Perceraian Menurut Undang-Undang Keluarga Islam Di Selangor Dan Sarawak

Perceraian merupakan langkah yang terakhir apabila sesuatu perkahwinan itu gagal diselamatkan setelah melalui beberapa proses. Perceraian berasal dari perkataan talak dalam Bahasa Arab. Talak atau perceraian bermaksud melepaskan atau meleraikan ikatan menurut Wahbah al Zuhaili (1985). Takrif yang sama juga digunakan oleh Wizarah al-Awqaf (1993) dan Al-Shirbini (1997). Manakala Al-Jaziri di dalam kitab Kitab al-Fiqh ala al-Madzahib al-Arba'ah mendefinisikan talak sebagai menghilangkan ikatan pernikahan atau mengurangi pelepasan ikatannya. Dari sudut perundangan

syariah di Malaysia, terdapat dua keadaan sekiranya perceraian diteruskan iaitu perceraian dengan persetujuan bersama dan permohonan perceraian tanpa persetujuan bersama. Meskipun talak terletak di tangan suami dalam tempoh perkahwinan, prosedur kepada perceraian menurut undang-undang syariah di Malaysia adalah tertakluk kepada kebenaran mahkamah.

3.1 Permohonan Perceraian Dengan Persetujuan Bersama

Di Negeri Selangor, permohonan perceraian adalah tertakluk di bawah seksyen 47 EUUKI (Negeri Selangor) 2003 berbeza pula di Sarawak, permohonan perceraian adalah tertakluk di bawah Seksyen 45 OUUKI (Sarawak) 2001. Meskipun berbeza kedudukan peruntukan seksyen, namun perincian peruntukan adalah sama setiap satunya.

Bagi perceraian dengan persetujuan bersama, umumnya, mahkamah setelah menerima dan meneliti permohonan akan menyerahkan saman kepada suami dan isteri kepada perkahwinan tersebut untuk hadir di hadapan mahkamah berdasarkan tarikh yang telah ditetapkan. Jika mahkamah berpuas hati bahawa kedua-dua pihak bersetuju untuk bercerai, maka mahkamah akan menasihatkan suami untuk melafazkan talak di hadapan mahkamah.

Perceraian dengan persetujuan bersama ini merupakan kaedah perceraian yang efektif dalam memelihara aib pihak-pihak selain ia merupakan perceraian yang tidak melibatkan proses yang berpanjangan dan juga tidak melibatkan saksi kerana, persetujuan kedua-dua pihak dilihat lebih memudahkan proses mahkamah (Osman Lasut, et. al 2019). Proses perceraian dengan persetujuan bersama ini akan melibatkan proses lafaz talak di hadapan mahkamah. Seksyen 47 (3) EUUKI (Negeri Selangor) 2003 telah memperuntukan mengenai perceraian dengan persetujuan bersama selepas proses-proses permohonan dan prosedur permohonan perceraian dipatuhi setiap satunya berdasarkan Seksyen 47 (1) dan (2) Enakmen yang sama. Seksyen 47 (3) EUUKI (Negeri Selangor) 2003 telah memperuntukkan bahawa :

Jika pihak yang satu lagi itu bersetuju terhadap perceraian itu dan Mahkamah berpuas hati selepas penyiasaan yang wajar bahawa perkahwinan itu telah pecah belah dengan tak dapat dipulihkan, maka Mahkamah hendaklah menasihatkan suami supaya melafazkan satu talak di hadapan Mahkamah

3.2 Permohonan Perceraian Tanpa Persetujuan Satu Pihak

Menurut kajian Haliza Ab. Shukor, et al (2012), sekiranya salah satu pihak enggan untuk bercerai dan mahkamah berpuas hati bahawa berkemungkinan wujudnya peluang untuk pihak-pihak kembali berdamai, mahkamah akan memerintahkan pihak-pihak untuk melalui proses perdamaian di peringkat Jawatankuasa Pendamai menurut Seksyen 47(5) EUUKI (Negeri Selangor) 2003 dan juga Seksyen 45(5) OUUKI (Sarawak) 2001.

Tuntutan fasakh, taklik dan juga khuluk adalah termasuk kepada perceraian tanpa persetujuan satu pihak menurut Nik Noriani Nik Badli Shah, (2012). Perceraian tanpa persetujuan sebelah pihak juga boleh berlaku jika suami enggan melafazkan talak selepas satu permohonan perceraian dikemukakan, maka mahkamah akan

memerintahkan pihak-pihak melalui proses Jawatankuasa Pendamai dalam usaha untuk mendamaikan kedua-dua pihak dengan melihat kepada kebarangkalian yang munasabah perkahwinan tersebut mungkin masih dapat diselamatkan. Ini dapat dilihat berdasarkan peruntukan seksyen 47 (5) EUUKI (Negeri Selangor) 2003 dan seksyen 45 (5) OUUKI (Sarawak) 2001 :

47(5)EUUKI : Jika pihak yang satu lagi tidak bersetuju terhadap perceraian itu atau jika Mahkamah berpendapat bahawa ada kemungkinan yang munasabah bagi suatu perdamaian antara pihak-pihak itu, Mahkamah hendaklah dengan seberapa segera yang boleh melantik suatu jawatankuasa pendamai terdiri daripada seorang Pegawai Agama sebagai Pengerusi dan dua orang lain, seorang untuk bertindak bagi pihak suami dan seorang lagi bagi pihak isteri dan merujuk kes itu kepada jawatankuasa itu.

45(5)OUUKI : Jika pihak yang satu lagi itu tidak bersetuju terhadap perceraian itu atau jika ternampak kepada Mahkamah bahawa ada kemungkinan yang munasabah bagi suatu perdamaian antara pihak-pihak itu, maka Mahkamah hendaklah dengan seberapa segera yang mungkin melantik suatu jawatankuasa pendamai terdiri daripada seorang Pegawai Agama sebagai Pengerusi dan dua orang lain, seorang untuk bertindak bagi pihak suami dan seorang lagi bagi pihak isteri, dan merujuk kes itu kepada jawatankuasa pendamai itu.

Di peringkat Jawatankuasa Pendamai ini, mahkamah akan mengutamakan saudara terdekat suami dan isteri bagi membantu mendamaikan kedua-dua pihak yang bersengketa dalam tempoh masa selama enam bulan dari Jawatankuasa Pendamai dibentuk atau sehingga tempoh yang tertentu seperti yang dibenarkan oleh mahkamah. Menurut Haliza A. Shukor, et al (2012), dalam proses ini, mahkamah akan mengarahkan kepada Jawatankuasa Pendamai tentang perjalanan proses tersebut. Proses di peringkat Jawatankuasa Pendamai adalah proses yang melibatkan sesi kaunseling di Pejabat Agama Islam Daerah tempat pihak-pihak bermastautin dalam tempoh perkahwinan. Proses ini berbeza dengan Majlis Tahkim apabila Majlis Tahkim akan dijalankan di mahkamah syariah sepertimana proses Sulh.

Setelah pihak-pihak berjaya mencapai perdamaian di peringkat Jawatankuasa Pendamai, maka mahkamah akan menolak permohonan perceraian tersebut. Suwaid Tapah (2007) telah menjelaskan bahawa Jawatankuasa Pendamai berperanan untuk mendamaikan kedua-dua pihak dalam tempoh enam bulan atau lebih setakat yang dibenarkan oleh mahkamah. Jawatankuasa yang dilantik perlu menjalankan fungsi dan tanggung jawabnya untuk mendamaikan kedua-dua pihak berdasarkan kepada pendekatan atau kaedah yang sesuai. Jika usaha mendamaikan gagal, Jawatankuasa Pendamai dikehendaki menyediakan satu laporan dan perakuan mengenainya serta dilampirkan bersama cadangan atau syor yang difikirkan patut menurut seksyen 47 (11) EUUKI (Negeri Selangor) 2003 dan seksyen 45(11) OUUKI (Sarawak) 2001 sepertimana berikut :

47 (11) EUUKI : Jika jawatan kuasa pendamai itu tidak dapat mencapai perdamaian dan tidak dapat memujuk pihak-pihak itu supaya hidup semula bersama sebagai suami isteri, jawatankuasa itu hendaklah mengeluarkan suatu perakuan tentang hal yang demikian itu dan boleh melampirkan pada perakuan itu apa-apa syor yang difikirkannya patut berkenaan dengan nafkah dan penjagaan anak-anak belum dewasa dari

perkahwinan itu, jika ada, berkenaan dengan pembahagian harta, dan berkenaan dengan hal-hal lain berhubung dengan perkahwinan itu.

45 (11) OUUKI : Jika jawatan kuasa pendamai itu tidak dapat mencapai perdamaian dan tidak dapat memujuk pihak-pihak itu supaya hidup semula bersama sebagai suami isteri, jawatankuasa itu hendaklah mengeluarkan suatu perakuan tentang hal yang demikian itu dan boleh melampirkan pada perakuan itu apa-apa syor yang difikirkannya patut berkenaan dengan nafkah dan penjagaan anak-anak belum dewasa dari perkahwinan itu, jika ada, berkenaan dengan pembahagian harta, dan berkenaan dengan hal-hal lain berhubung dengan perkahwinan itu.

Proses seterusnya jika perdamaian gagal dicapai di peringkat Jawatankuasa Pendamai dan didapati shiqaq masih berterusan, maka pihak-pihak perlu melalui proses Tahkim bagi menyelesaikan shiqaq yang berlaku seperti yang tertakluk di bawah Seksyen 48 EUUKI (Negeri Selangor) 2003 dan Seksyen 46 OUUKI (Sarawak) 2001 bagi negeri Sarawak. Jelas sekali, untuk menjamin pelaksanaan Majlis Tahkim yang lebih lancar, satu garis panduan yang sistematik amat diperlukan. Dalam hal ini, Negeri Selangor merupakan negeri pertama yang mengorak langkah dalam mewujudkan Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014 dan kemudian disusuli Negeri Sembilan iaitu Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Sembilan) 2017. Berbeza pula di Sarawak, pelaksanaan Majlis Tahkim hanya tertumpu kepada Seksyen 46 OUUKI (Sarawak) 2001. dan juga Arahan Amalan Ketua Hakim Syari'i No. 1 Tahun 2006 . Kegagalan mencapai perdamaian di peringkat Jawatankuasa Pendamai dan setelah laporan dikemukakan, mahkamah seterusnya akan melantik dua orang wakil dari saudara karib pihak-pihak yang mengetahui mengenai shiqaq tersebut sebagai penimbang tara atau hakam dalam masa 14 hari selepas mahkamah memutuskan bahawa shiqaq tersebut sentiasa berterusan. Manakala, Majlis Tahkim adalah proses penyelesaian shiqaq itu sendiri.

Suwaid Tapah (2007) telah menyatakan bahawa jika di peringkat Tahkim, pihak suami masih gagal hadir di hadapan hakim untuk melafazkan talak atau enggan melafazkan talak, mahkamah akan merujuk kepada Majlis Tahkim untuk tindakan selanjutnya. Sebaliknya jika perdamaian berjaya dicapai, mahkamah akan menolak permohonan perceraian tersebut. Sepanjang proses dan langkah dalam usaha untuk mendamaikan di antara pihak-pihak, peguam syarie yang mewakili pihak-pihak tidak dibenarkan hadir dan turut serta untuk bertindak bagi anakguamnya

Seksyen 48 (1) EUUKI (Selangor) 2003 telah memperuntukkan bahawa :

48(1) :Jika Mahkamah berpuas hati bahawa perkelahian (shiqaq) sentiasa berlaku antara pihak-pihak kepada suatu perkahwinan, Mahkamah boleh melantik, mengikut Hukum Syarak, dua penimbang tara atau Hakam untuk bertindak bagi pihak suami dan isteri yang berkenaan itu masing-masing

Secara lebih terperinci, subkaedah 3, Kaedah-kaedah Hakam (Selangor) 2014 telah memperincikan mengenai kuasa mahkamah untuk mengarahkan pasangan suami dan isteri melantik hakam dari kalangan saudara terdekat. Pelantikan hakam pula adalah tertakluk kepada subkaedah 5, Kaedah kaedah Hakam (Selangor) 2014 yang menjelaskan tatacara pelantikan hakam dalam tempoh 14 hari selepas mahkamah memutuskan bahawa wujudnya shiqaq. Setelah kedua-dua pihak melantik hakam,

maka mahkamah akan merekodkan serta mengisytiharkan pelantikan melalui suatu perintah. Menurut Mimi Kamariah Majid (1992), hakim yang dilantik perlu menjalankan penimbang taran menurut syarak dan seperti yang diarahkan oleh hakim untuk menamatkan shiqaq di antara suami dan isteri.

Seksyen 48 (5) EUUKI (Selangor) 2003 pula telah memperuntukkan mengenai kuasa hakim dalam proses penyelesaian shiqaq antara suami dan isteri :

48 (5) EUUKI : Hakim hendaklah berusaha untuk mendapatkan kuasa penuh daripada prinsipal mereka masing-masing dan boleh, jika kuasa mereka membenarkan, melafazkan satu talak di hadapan Mahkamah jika dibenarkan sedemikian oleh Mahkamah, dan jika demikian halnya, Mahkamah hendaklah merekodkan lafaz satu talak itu, dan menghantar satu Salinan rekod itu yang diperakui kepada Pendaftar yang berkenaan dan kepada Ketua Pendaftar untuk didaftarkan.

Bagi pelaksanaan Majlis Tahkim di Sarawak, tiada peruntukan khusus seperti Kaedah-kaedah Hakim (Negeri Selangor) 2014 diwujudkan bagi memperincikan dan melicinkan pelaksanaan Majlis Tahkim. Isu ketidakseragaman mula timbul apabila terdapat perbezaan ketara antara Selangor dan Sarawak dari sudut amalan Tahkim. Di Selangor, terdapat kaedah-kaedah hakim manakala amalan Tahkim di Sarawak bergantung semata-mata kepada peruntukan asal yang terdapat dalam peruntukan OUUKI (Sarawak) 2001 dan Arahan Amalan Ketua Hakim Syarie Sarawak No. 1 Tahun 2006 yang diaplikasi secara umum.

Seterusnya, dengan adanya Kaedah-kaedah Hakim (Negeri Selangor) 2014, hakim boleh dilantik dari kalangan bukan ahli keluarga untuk menyelesaikan shiqaq di antara suami dan isteri jika di peringkat awal gagal diselesaikan. Namun, meskipun wujud peruntukan bahawa panel hakim boleh dilantik, pelaksanaannya masih mengutamakan saudara yang lebih akrab bagi mewakili suami dan isteri. Jika shiqaq gagal diselesaikan, maka panel hakim akan mengambil alih proses Tahkim tersebut. Ini telah diperuntukkan menurut Kaedah 4 (1) (b) Kaedah-kaedah Hakim (Negeri Selangor) 2014.

Berbeza di Sarawak, ketiadaan Kaedah-kaedah Hakim telah menghadkan perluasan pelaksanaan Tahkim yang hanya bersifat umum berdasarkan Seksyen 46 OUUKI Sarawak) 2014. Dapat dilihat berdasarkan kepada Seksyen 46 (4) OUUKI (Sarawak) 2001 :

“Jika Hakim tidak dapat bersetuju, atau jika Mahkamah tidak berpuas hati dengan cara mereka mengendalikan penimbang taran itu, Mahkamah boleh memecat mereka dan melantik Hakim lain bagi menggantikan mereka”

4.0 Sumber Undang-Undang Berkaitan Hakim Di Selangor Dan Sarawak

Hammad Mohamad Dahalan, et.al (2017) telah mengemukakan bahawa tiada ketetapan berbentuk prosedur dan pengoperasian (SOP) bagi penyeragaman pelaksanaan Tahkim di mahkamah-mahkamah syariah di Malaysia. Hal ini dapat dilihat khususnya dengan melihat kepada panduan pelaksanaan Tahkim yang hanya bergantung kepada Arahan Amalan Bil.1 Tahun 2006 sebagai punca kuasa

pelaksanaannya dan juga peruntukan Kaedah-kaedah Hakam yang tidak dimiliki oleh semua negeri. Perkara ini juga semakin jelas apabila negeri Selangor telah mengambil inisiatif dengan menggubal Kaedah-kaedah Hakam bagi memberikan panduan dengan lebih terperinci bagi proses dan prosedur Tahkim.

Berbeza dengan keadaan di negeri Sarawak yang tidak mempunyai peruntukan Kaedah-kaedah Hakam dan semata-mata bergantung kepada peruntukan Seksyen 46 OUUKI (Sarawak) 2001 dan Arahan Amalan Ketua Hakim Syariah (Sarawak) No. 1 Tahun 2006. Bagi proses Tahkim di mahkamah syariah di Negeri Selangor dan Sarawak, punca kuasa mengenainya terkandung menurut EUUKI (Negeri Selangor) 2003 dan OUUKI (Sarawak) 2001. Isu punca kuasa adalah amat penting kerana dalam menjalankan suatu proses di mahkamah, punca kuasa adalah perkara utama untuk menjamin keesahan pelaksanaan sesuatu prosedur di mahkamah bagi proses Tahkim di mahkamah syariah di Negeri Selangor dan Sarawak, punca kuasa mengenainya terkandung menurut EUUKI (Negeri Selangor) 2003 dan OUUKI (Sarawak) 2001.

5.0 Peruntukan Induk Hakam Menurut Enakmen

Asas kepada pelaksanaan Tahkim adalah tertakluk kepada seksyen 48 EUUKI (Negeri Selangor) 2003 lanjutan daripada permohonan perceraian menurut peruntukan sebelumnya, iaitu seksyen 47 EUUKI (Negeri Selangor) 2003. Manakala di Sarawak, Tahkim tertakluk kepada seksyen 46 OUUKI (Sarawak) 2001 yang juga lanjutan daripada permohonan cerai di bawah peruntukan seksyen 45 OUUKI (Sarawak) 2001. Hammad Mohd Dahlan et. al. (2017) menyatakan bahawa Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dalam usaha untuk melicinkan pentadbiran dan pengurusan mahkamah syariah telah mengeluarkan satu Arahan Amalan Mahkamah Syariah Bil. 1 Tahun 2006 berkenaan pelaksanaan Tahkim. Arahan Amalan tersebut telah menggariskan beberapa keadaan yang membolehkan hakam dilaksanakan iaitu :

- a) Perbalahan yang timbul di antara suami isteri yang timbul daripada nusyuz isteri, atau disebabkan kezaliman suami, ataupun berlaku kesamaran siapa yang benar dan dusta dalam perbalahan yang berlaku;
- b) Perbalahan dan tuduh menuduh yang masing-masing tidak melaksanakan tanggung jawab suami atau isteri;
- c) Kedua-duanya saling tuduh menuduh berkawan dengan perempuan / lelaki sehingga melewati batas Syarak;
- d) Tuduh menuduh berkaitan kelalaian dalam melaksanakan tanggung jawab terhadap anak-anak dalam perkahwinan;
- e) Aduan isteri tidak sabit dan ditolak oleh Mahkamah Syariah kerana tidak ada bukti, dan Mahkamah mendapati pertikaian sentiasa berlaku;
- f) Sebarang tindakan yang menyebabkan mudarat terhadap isteri

Lanjutan daripada Arahan Amalan yang dikeluarkan oleh JKSM tersebut, Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014 kemudian diperkenalkan bagi memberi panduan yang lebih jelas dalam proses pengendalian Majlis Tahkim di Selangor berdasarkan kepada peruntukan induk Seksyen 48 EUUKI (Negeri Selangor) 2003 menurut Muslem, et al (2018). Manakala di Sarawak, amalan Tahkim tertakluk kepada peruntukan induk seksyen 46 OUUKI (Sarawak) 2001 dan perincian pelaksanaan Majlis Tahkim adalah merujuk kepada Arahan Amalan Ketua Hakim Syariah Sarawak No. 1 Tahun 2006.

5.1 Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014

Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014 digubal bertujuan memberikan panduan yang lebih mendalam berkaitan hal ehwal pelaksanaan Majlis Tahkim di Negeri Selangor selain menjalankan kuasa peruntukan seksyen 48 EUUKI (Negeri Selangor). Hal ini berikutan, Negeri Selangor menjadikan proses Tahkim sebagai suatu kaedah penyelesaian di luar mahkamah bagi mengelakkan kesesakan kes dan juga penangguhan bagi kes permohonan cerai yang mengambil masa yang lama di mahkamah.

5.2 Arahan Amalan di Sarawak

Berbeza pula di Sarawak, ketiadaan Kaedah-kaedah Hakam sepertimana di Selangor, menjadikan amalan Tahkim di Sarawak hanya merujuk kepada peruntukan induk seksyen 46 OUUKI (Sarawak) 2001 dan menggunakan Arahan Amalan Ketua Hakim Syarie Sarawak No. 1 Tahun 2006 sebagai perincian kepada pelaksanaan Tahkim.

Arahan Amalan Ketua Hakim Syarie Sarawak No. 1 Tahun 2006 mengandungi perincian sebagaimana Arahan Amalan JKSM Bil. 1 Tahun 2006 yang memperuntukkan sembilan Arahan boratian syarat-syarat seorang hakam, tanggungjawab

Arahan 1 : Syarat-syarat seorang Hakam

Arahan 2 : Tanggung jawab Hakam

Arahan 3 : Sabitan Shiqaq

Arahan 4 : Tatacara Pelantikan Hakam

Arahan 5 : Tatacara dan tempoh perjalananan penimbang taraan

Arahan 6 : Etika Hakam

Arahan 7 : Sighah Khul' di hadapan Mahkamah

Arahan 8 : Kehadiran Pihak-pihak Dalam Majlis Tahkim

Arahan 9 : Pemberhentian Prosiding Majlis Tahkim

6.0 Kuasa Hakam Dalam Permohonan Perceraian Tanpa Persetujuan Satu Pihak

Isu berkaitan kuasa hakam menurut perspektif hukum syarak telah dibincangkan oleh Mohd Saleh Haji Ahmad (2005). Menurut beliau, kuasa hakam dalam memisahkan pihak-pihak sekiranya usaha perdamaian tersebut masih dilihat tidak mampu dicapai dan suami isteri atau salah satu pihak masih bertegas untuk bercerai, beberapa pendapat ulama' telah membahaskan mengenai kuasa kedua-dua hakam suami dan isteri tersebut untuk memisahkan kedua-dua mereka.

Pendapat pertama berdasarkan Mazhab Syafi'i, Mazhab Hanafi, Zahiriyah dan salah satu riwayat daripada Imam Ahmad Hanbal berpendapat bahawa hakam tidak mempunyai kuasa untuk menceraikan suami dan isteri kecuali berdasarkan keizinan mereka sama ada dengan izin suami menjatuhkan talak atau izin isteri melalui perceraian tebus talak.

Manakala pendapat kedua pula adalah kedua-dua hakam yang mewakili suami dan isteri mempunyai kuasa untuk memisahkan suami dan isteri tanpa perlu mendapat keizinan dan persetujuan pihak-pihak dan pendapat yang rajih adalah menurut pendapat al-Imam Ibn Al-Qayyim apabila beliau mentarjihkan pendapat kedua ini iaitu hakam mempunyai kuasa untuk memisahkan suami dan isteri tanpa perlu mendapat keizinan dan persetujuan.

Pendapat yang dikemukakan oleh al-Imam Ibn Al-Qayyim berdasarkan kepada firman Allah S.W.T :

إِنْ يُرِيدَا إِصْلَاحًا يُوَفِّقِ اللَّهُ بَيْنَهُمَا

Maksudnya :

Jika kedua-duanya (orang tengah) bermaksud untuk mendamaikan, nescaya Allah memberi taufik kepada suami isteri itu

Surah an-Nisa (4): 35

Ibn Al-Qayyim juga dalam mentarjihkan pendapatnya telah merujuk kepada riwayat dari Ali bin Abi Talib bahawa Saiyyidina Uthman pernah melantik Ibn Abbas dan Mu'awiyah sebagai Hakam kepada 'Uqail bin Abi Talib dan isterinya Fatimah binti Uthbah bin Rabi'ah dengan mengatakan,

"jika kamu berpendapat untuk patut diceraikan mereka berdua, maka ceraikanlah mereka itu"

Selain Ali bin Abi Talib juga turut menyatakan kepada dua hakam tersebut

"kamu berdua dipertanggung jawabkan, jika kamu berpendapat patut diceraikan, maka ceraikanlah mereka berdua dan jika kamu berpendapat perlu dihimpunkan mereka berdua, maka himpunkanlah mereka"

Manakala kuasa hakam dari sudut perundangan, peruntukan Seksyen 48(5) EUUKI (Negeri Selangor) 2003 telah memperincikan mengenai hakam perlu berusaha mendapatkan kuasa penuh dari prinsipal mereka. Ringkasnya, kuasa penuh yang diperolehi itu adalah keizinan dari kedua-dua pihak. Hal ini dapat dinyatakan bahawa, jika suami membenarkan untuk hakam melafazkan satu talak di hadapan mahkamah, dan mahkamah berpuas hati bahawa talak dilafazkan di hadapan mahkamah, mahkamah hendaklah merekodkan dan rekod tersebut akan dihantar kepada Pendaftar. Subkaedah 11(3), Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014 turut memperincikan bentuk kuasa penuh dari prinsipal iaitu bagi pihak suami, suami boleh membenarkan hakamnya untuk melafazkan satu talak atau khuluk di hadapan mahkamah dan bagi pihak isteri, isteri boleh membenarkan hakamnya menerima lafaz khuluk di hadapan mahkamah.

Begitu juga Seksyen 46(5) OUUKI (Sarawak) 2001 yang telah memperuntukkan bahawa hakam yang dilantik hendaklah mendapatkan kuasa penuh daripada pihak-pihak yang bertikai. Jalan perceraian yang sama akan diputuskan sama ada hakam bagi pihak suami yang menjatuhkan talak, atau hakam pihak isteri perlu tebus talak

untuk mendapatkan perceraian. Pentingnya hakam perlu mendapatkan kuasa penuh adalah bagi mengelakkan unsur keterpaksaan dan ketidakadilan.

7.0 Kesan Kuasa Hakam Dalam Permohonan Perceraian Tanpa Persetujuan Satu Pihak

Seterusnya, dalam isu pensabitan kesan kuasa hakam, Nur Khalidah Dahlan, et al (2017) menyatakan bahawa jika kedua-dua pihak bersetuju untuk sesuatu keputusan, maka keputusan tersebut akan mengikat pihak-pihak, bersifat muktamad dan tidak boleh dirayu melainkan jika mana-mana pihak dapat mengesan sebarang kecacatan di dalam keseluruhan prosedur tersebut. Talak yang dilafazkan pula merupakan talak Ba'in berdasarkan penulisan Mumtazah Narowi, et al (2020). Rujuk juga tidak terpakai kepada suami dan isteri yang telah diceraikan secara Tahkim (Alyasak Berhan, et al, 2016). Penulisan tersebut dikuatkan lagi dengan peruntukan subkaedah 18, Kaedah-kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014 yang memperuntukkan bahawa :

subkaedah 18 : Perceraian yang diputuskan dalam Majlis Tahkim adalah muktamad dan tiada rayuan dibenarkan

Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa jika pihak suami dan isteri telah bersetuju untuk menamatkan shiqaq melalui proses Tahkim dan keputusan yang dibuat oleh hakam adalah muktamad serta tidak boleh dirayu melainkan jika terdapat kecacatan dari sudut teknikal dan prosedur.

Najibah Mohd Zain, et al (2007) dalam penulisannya telah mengemukakan contoh kes berkaitan pelaksanaan Tahkim iaitu Rosilah binti Abu Kasim lwn Abd Rahman Ibrahim (8(1991) 8 JH 249) yang diputuskan pada tahun 1993. Plaintiff di dalam kes ini telah mengemukakan tuntutan fasakh terhadap suaminya iaitu Defendan dengan alasan bahawa Defendan tidak memberi nafkah, sering bergaduh, mengugut dan menghalaunya.

Walau bagaimanapun, Defendan di dalam kes ini telah menafikan dakwaan tersebut. Melihat kepada keterangan kedua-dua pihak, Hakim Bicara berpendapat bahawa kes ini perlu disiasat dengan rapi. Hakim kemudiannya telah memerintahkan pelantikan hakam berdasarkan Seksyen 47(5) EUUKI (Negeri Selangor) 1984 yang dipengerusikan oleh Ketua Pendakwa Mahkamah Syariah Negeri dan setiap pihak diwakili oleh seorang wakil yang dilantik. Jawatankuasa kemudiannya telah menyimpulkan bahawa :

- a) Rumah tangga kedua-dua pihak sudah tidak ada kebajikan lagi.
- b) Pihak isteri meminta supaya dilepaskan tetapi pihak suami masih kasih lagi.
- c) Anak-anak masih di bawah penjagaan isteri
- d) Keamanan pasti tidak akan tercapai jika kedua-dua masih bersama kerana pihak isteri masih berkeras hati.

Hakim kemudiannya telah mencadangkan supaya kes ini disegerakan dan diputuskan sama ada melalui perceraian biasa atau melalui tebus talak kerana kedua-duanya tidak lagi tinggal bersama. Tambahan lagi, hasil laporan proses perdamaian di peringkat

Jawatankuasa Pendamai di bawah Seksyen 47 EEUKI (Negeri Selangor) 1984 adalah gagal mencapai perdamaian.

8.0 Kesimpulan

Kesimpulannya, terdapat perbezaan mengenai pelaksanaan Tahkim di Selangor dan Sarawak. Ini kerana di negeri Selangor terdapat peruntukan yang lebih khusus dan terperinci mengenai proses Tahkim dan perkara-perkara berkaitan dengannya dalam Kaedah-kaedah Hakam Selangor 2014. Manakala di Sarawak tiada peruntukan khusus yang lebih terperinci mengenainya. Ia hanya tertakluk kepada peruntukan induk dalam OUUKI Sarawak dan Arahan Amalan Ketua Hakim Syarie Sarawak No. 1 Tahun 2006. Ringkasnya, Jawatankuasa Pendamai di bawah Seksyen 47 dan timbang tara oleh hakim di bawah Seksyen 48 EUUKI (Negeri Selangor) 2003 mempunyai banyak persamaan yang di antaranya untuk menjalankan proses perdamaian dan juga penyelesaian pertikaian di luar prosiding mahkamah berdasarkan kepada perintah mahkamah. Selain itu juga, kedua-dua prosedur ini juga merupakan kaedah dan prosiding yang dijalankan di luar mahkamah dan ianya melibatkan kes-kes permohonan perceraian sebelah pihak sama ada daripada pihak suami atau isteri dan akan melalui proses perdamaian jika terdapat salah seorang di antara suami atau isteri enggan untuk bercerai. Kegagalan mencapai perdamaian di peringkat Jawatankuasa Pendamai akan membawa kepada proses penyelesaian shiqaq di peringkat Majlis Tahkim.

9.0 Penghargaan

Kertas kerja ini adalah hasil daripada kajian yang dijalankan menggunakan dana daripada Geran Penyelidikan dan Inovasi Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) (GPIK) 2021 iaitu bagi kategori Geran Penyelidikan Intensif (GPI).

Rujukan

Abdul Karim Zaydan, 1983, Nizam Al-Qadha fi Al-Syariah Al- Islamiyyah, Baghdad, Matb'ah al-Ma'ani

Abdullah Abu Mat Saud (2013) Hakmu Muslimah : Menurut Undang-undang Keluarga Islam Serta Pelaksanaannya di Mahkamah Syariah, Awal Hijrah Enterprise.

Ahmad Hariri Mohd Saad, Raihanah Hj Azahari, 2014, Pengukuhan Institusi Keluarga Melalui Kawalan Terhadap Perceraian, Jurnal Fiqh (No. 11)175-194

Azliza binti Abu Hanipah, 1999, Konsep Dan Peranan Majlis Tahkim Dalam Menyelesaikan Masalah Rumahtangga ; Kajian Kes Di Shah Alam. Tesis Diploma Pengajian Islam, Kolej Islam Darul Ehsan.

Che Latifah Hj Ismail. 2005, Pengendalian Kes Perceraian dan Permasalahan di Mahkamah Syariah Perlis, Jurnal Intelek, Vol. 3 No. 1, UITM

Haji Mohd Saleh Haji Ahmad, 2005, Kaedah-kaedah Penyelesaian Pertikaian Dalam Islam : Tumpuan Kepada Konsep Tahkim di dalam Risalah Ahkam, Intel Multimedia And Publication

Hammad Mohamad Dahalan dan Mohamad Azlan Yahya, 2017, Hakam Dalam Mahkamah Syariah : Analisis Pelaksanaannya Di Sisi Prinsip Syariah Di Malaysia, Proceeding of 2nd International Conference on Law, Economics and Education (ICONLEE), Grand Bluewave Hotel, Shah Alam, Malaysia.

Mohamad Hafifi Hassim, Nor 'Adha Ab Hamid, Norazla Ab Wahab, Nurhafizah Raja Abdul Aziz, Roslinda Ramli, Siti Noor Ahmad, 2019, Penyelesaian Pertikaian Alternatif Dalam Islam : Aplikasinya Terhadap Kes-Kes Kekeluargaan Dan Kehartaan Di Mahkamah Syariah, e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi, Vol 6, No. 2 (September 2019), KUIS, hlm 1-14

Mumtazah Narowi, Noor Fadhzana Mohd Noor dan Siti Amalina Ahmad Khairuddin, 2020, Hakam Dan Aplikasinya Dalam Penyelesaian Kes Perceraian Di Mahkamah Syariah Negeri Selangor, International Multidisciplinary Postgraduate Virtual Conference 2020 (IMPC20), 9 & 10 Disember, Centre of Graduate Studies, hlm 182-184. UNISEL

Muslem, Siti Aminah Abd Samat, 2018, Mekanisme Majelis Tahkim Dalam Penyelesaian Sengketa Rumah Tangga (Analisis Enakmen Undang-undang Keluarga Islam No. 2 Tahun 2003, Seksyen 48 Tentang Penambahan Kaedah-kaedah Hakam Di Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam, Selangor, Malaysia), Media Syari'ah, Vol 20, No.1, hlm 76-93

Najibah Mohd Zain, 2007, Undang-undang Keluarga Islam, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka

Noor Syaibah Shabuddin, Norazilah Johari, Norhasima Abdullah dan Shazwana Aziz, 2016. Perceraian Dalam Kalangan Pasangan Dewasa Pertengahan Di Pejabat Daerah Agama Islam Daerah Hulu Langat (PAIDHL) : Eksplorasi Faktor, Jurnal Sains Sosial Malaysia, Jil 1, 36-52,

Nor Azlina Mohd Kiram, Raja Masittah Raja Ariffin dan Jama'yah Zakaria, 2017, Gaya Pengurusan Konflik dan Kesannya Terhadap Institusi Kekeluargaan dalam Novel Saga, Akademika 87(2), UKM

Norzulaili Mohd Ghazali, Wan Abdul Fattah Wan Ismail, 2006, Nusyuz, Syiqaq dan Hakam Menurut Al-Quran, Sunnah dan Undang-undang Keluarga Islam, Kolej Universiti Islam Malaysia, Negeri Sembilan

Raihanah Hj, Abdullah, 2001, Wanita, Perceraian dan Mahkamah Syariah. Dlm, Wanita dan Perundangan Islam, Kuala Lumpur, Ilmiah Publisher. 116

Suwaid Tapah, 2007, Prosedur Perceraian. Dlm Undang-undang Islam di Malaysia : Prinsip dan Amalan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Zanariah Dimon, Azizah Mohd Rapini, Hammad Md. Dahalan, Zaini Yusnita Mat Jusoh dan Nur Zulfah Md. Abd Salam, 2018, Faktor-faktor Konflik Rumah Tangga : Kajian Di

Unit Runding Cara Jabatan Agama Islam Selangor, International Conference On Islamiyyat Studies, Bandar Baru Bangi, Selangor.